

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]**  
**TARIKH : 17 MEI 2016**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah mayat yang tidak dituntut sepanjang tempoh 2013-2016 di hospital seluruh negara mengikut pecahan agama dan jantina. Berapa kos yang ditanggung oleh Hospital Kerajaan bagi mengurus mayat yang tidak dituntut ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pengurusan mayat di hospital kerajaan dikendalikan oleh Jabatan / Unit Forensik di hospital terbabit dan tidak dinafikan setiap tahun terdapat kes-kes mayat yang tidak dituntut. Mayat-mayat ini akan diserahkan kepada badan-badan agama mengikut agama yang dianuti oleh si mati ketika hidupnya atau diserahkan kepada fakulti-fakulti perubatan universiti tempatan untuk maksud pendidikan atau penyelidikan perubatan jika mayat tersebut memenuhi kriteria yang ditetapkan dengan mengikuti tatacara yang disediakan oleh KKM.

Mayat yang tidak dituntut didefinisikan sebagai mayat yang tidak dituntut dalam tempoh 14 hari selepas pendaftaran di bilik mayat selepas pelbagai usaha dilakukan untuk mengesan waris.

Data mayat yang tidak dituntut dikumpulkan berdasarkan pecahan agama dan terdapat peningkatan sebanyak 13 hingga 25% sepanjang tempoh tahun 2013 hingga 2015 iaitu sejumlah 489 mayat pada tahun 2013, 566 pada tahun 2014 dan 757 pada tahun 2015.

Statistik mayat yang tidak dituntut mengikut agama adalah seperti berikut:

Tahun	Agama			Jumlah
	Islam	Bukan Islam	Tidak pasti	
2013	130	223	136	489
2014	207	219	140	566
2015	342	200	215	757

### **Tuan Yang Dipertua,**

Telah menjadi dasar KKM bahawa pengurusan mayat yang tidak dituntut akan diuruskan oleh pihak hospital dengan kerjasama Jabatan atau Majlis Agama Islam dan Persatuan-persatuan Agama lain di setiap negeri. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 17 Tahun 2008 Garispanduan Bedah Siasat Mayat di Hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kos pengurusan mayat yang tidak dituntut tidak ditanggung oleh Hospital KKM kerana pengurusan terakhir mayat tersebut diuruskan oleh Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri bagi mayat Islam atau badan-badan agama lain (NGO) bagi mayat bukan Islam.